

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 16 JULAI 2019

SOALAN : 50

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan setakat ini untuk pegawai Pengurusan dan Profesional yang mengikuti pengajian ijazah lanjutan? Berapakah peratusan kelulusan PhD, proses saringan yang dijalankan dan adakah penyelidikan itu digunapakai untuk mencipta nilai awam.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha mengukuhkan pentadbiran sektor awam untuk dipimpin dan diterajui oleh pegawai-pegawai yang kompeten dan berdaya saing, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa berusaha menyediakan program-program latihan terutamanya dari aspek peningkatan pendidikan dengan memberi peluang kepada pegawai Kerajaan (khususnya di kalangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional) melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan iaitu Sarjana dan Kedoktoran (PhD) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam atau luar negara.

Bidang tajaan adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan bagi setiap skim perkhidmatan yang dikemukakan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Penekanan dan keutamaan pada masa kini adalah dalam bidang

SOALAN NO. 50

pengajian yang berkaitan *Artificial Intelligent* (AI), kerajaan digital, *Internet of Things* (IoT) dan emerging automotive trends.

Setiap penyelidikan yang dibuat oleh pegawai Kerajaan melalui penajaan program JPA adalah berdasarkan kepada perakuan Ketua Jabatan yang bersandarkan kepada keperluan skim perkhidmatan dan jabatan atau kementerian pegawai, selain dari keperluan kepada kompetensi, pengetahuan dan kepakaran pegawai dalam bidang penyelidikan tersebut.

Hasil penyelidikan tersebut akhirnya akan membawa manfaat kepada pegawai yang akan menjadi pakar rujuk dalam bidang penyelidikan tersebut. Selain itu, analisa dan hasil kajian penyelidikan yang dibuat oleh pegawai akan memberi impak dengan memberi penyelesaian dan solusi serta menambah atau mencipta nilai kepada persoalan, permasalahan dan hala tuju baharu kepada bidang tersebut yang dihadapi oleh jabatan atau kementerian.

Sekian, terima kasih.